

Sambutan Bulan Ramadan dan Aidilfitri



Sempena kedatangan Bulan Ramadan 1426 Hijrah, Unit Agama Islam (UAI) seperti biasa menjalankan tugasnya sebagai penganjur kepada aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan sebagai tanda menghormati kedatangan bulan yang mulia ini. Program yang diberi tajuk Ehya' Ramadan Peringkat KUKUM 1426Hijrah ini telah dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang amat bermanfaat dan penuh sifat-sifat kerohanian dan keilmuan. Konsep program ini yang dijalankan setiap tahun, ialah dengan mengatur pelbagai jenis aktiviti dan ia akan dianjurkan oleh pusat pengajian/jabatan yang berlainan.

Program dimulakan dengan Majlis Berbuka Puasa Bersama Rektor. Seperti tahun-tahun yang lalu, Y. Bhg. Dato' Rektor memang tidak mahu ketinggalan di dalam meraikan bulan Ramadhan bersama-sama dengan staf KUKUM. Maka, majlis yang berupaya merapatkan hubungan silaturrahim sesama staf ini diharapkan meninggalkan kesan dan menaikkan semangat untuk meneruskan aktiviti-aktiviti lain di bulan Ramadan.

Aktiviti seterusnya ialah Tilawah Al-Quran peringkat KUKUM yang dimulakan dengan peringkat saringan pada 19 Oktober 2005 dan peringkat akhir pada 20 Oktober 2005. Seterusnya pada 27 Oktober 2005 pula, sekali lagi Majlis Berbuka Puasa diadakan tetapi kali ini diserikan lagi dengan keberangkatan DYMM Tuanku Canselor KUKUM, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Pemangku Raja Perlis dan DYT M Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah ke majlis ini. Jemputan lain yang terlibat dengan majlis ini ialah, anak-anak yatim dan pelajar-pelajar sekolah sekitar negeri Perlis.



Sebagai mengimarahkan lagi program bulan Ramadan ini, turut dijalankan ialah Forum Agama Sempena Ehya Ramadan KUKUM 1426H, Pertandingan Nasyid antara Jabatan, Program Menjana Kebaikan Melalui Kebaikan yang mana tabung diletakkan di setiap jabatan bagi mengutip derma ikhlas, Program Solat Jumaat Bersama Masyarakat iaitu di Masjid Ulu Pauh (7 Oktober 2005) dan Masjid Al-Marhom Kayang (14 Oktober 2005), Tadarus Al-Quran (pelajar dan staf) dan Aktiviti Masakan Bubur Lambuk yang dikendalikan oleh Unit Keselamatan dan diadakan sepanjang bulan Ramadan.



Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di sepanjang Bulan Ramadan yang lalu adalah seperti berikut:

Majlis/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Anjuran
Majlis Berbuka Puasa Bersama Rektor	20 Oktober 2005	Dewan Kolej Kediaman Kg. Wai	Kolej Kediaman
Tilawah Al-Quran Peringkat KUKUM	19-20 Oktober 2005	Kampus Kubang Gajah	Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Majlis Berbuka Puasa Bersama Canselor KUKUM	27 Oktober 2005	Kampus Kubang Gajah	Jabatan Canselori
Forum Agama Sempena Ehya' Ramadan KUKUM 1426H	17 Oktober 2005	Dewan Kapitol KUKUM	Unit Agama Islam
Pertandingan Nasyid Antara Jabatan	25 Oktober 2005	Dewan Kapitol KUKUM	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
Program Menjana Kebaikan Melalui Kebaikan	5-26 Oktober 2005	Melalui setiap jabatan	Unit Audit Dalam
Tadarus Al-Quran (Pelajar & Staf)	Berterusan sepanjang bulan Ramadan	-	Jabatan Pembangunan
Program Solat Jumaat Bersama Masyarakat	7 Oktober 2005 14 Oktober 2005	Masjid Ulu Pauh Masjid Al-Marhom Kayang	Semua Jabatan/ Pusat Pengajian
Aktiviti Masakan Bubur Lambuk	Sepanjang Bulan Ramadan	Kampus Kubang Gajah	Unit Keselamatan